

# Peraturan Asrama MRSM PDRM KULIM

## PERATURAN PENGINAPAN DI ASRAMA

### Penempatan Pelajar

- Pelajar tidak dibenarkan berpindah ke tempat lain tanpa kebenaran Ketua Warden.
- Pelajar hendaklah mengisi Borang Penerimaan Alatan (BPA) dan memeriksa serta mengesahkan keadaan alatan yang diterima.
- BPA yang telah ditandatangani oleh pelajar hendaklah diserahkan kepada warden.
- Pelajar tidak dibenarkan mengubah susun atur katil, almari, meja, ampaian yang telah disusun oleh pihak pengurusan asrama.
- Bayaran gantirugi akan dikenakan jika terdapat sebarang kerosakan alatan yang dipinjamkan.

### Kebersihan Bilik dan Kawasan Asrama

- Bilik mestilah sentiasa kemas, bersih dan teratur.
- Kad Identiti Pelajar mesti ditampalkan pada penjuru atas kiri almari.
- Buku dan alatan hendaklah disusun dengan kemas.
- Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- Gambar dan poster tidak dibenarkan ditampal di dinding.
- Hanya cadar dan sarung bantal maktab sahaja dibenarkan.
- Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan disimpan dalam almari.
- Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan dan adalah ditegah daripada menyangkut pakaian di dinding, katil, tingkap atau membuat sidaian di dalam bilik asrama.
- Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan di dalam stor / tempat yang ditentukan.
- Dilarang meletak sebarang alatan/barangan/kasut di bawah katil.
- Dilarang meletakkan sebarang alatan/barangan di tingkap asrama.
- Tempat tidur mestilah sentiasa bersih dan kemas.

- Dilarang meletakkan tilam atau bantal di atas lantai atau melipat tilam di atas katil.
- Dilarang tidur di tempat lain atau berkongsi katil.
- Kasut hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
- Pakaian yang disidai di ampaien hendaklah diambil sebelum jam 7.00 malam.
- Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas bermula.
- Pelajar mestilah bertanggung-jawab menjaga almari dan kunci masing-masing.
- Almari hendaklah dikunci pada setiap masa.
- Pelajar dilarang memaku, melekat, menulis, melukis atau menconteng di dinding, katil, almari, bantal, tilam dan lain-lain kemudahan yang disediakan. Pelajar akan dipertanggungjawabkan atas segala kerosakan kemudahan dan peralatan asrama serta peralatan kecemasan.
- Pelajar dilarang memasang, membaiki lampu dan kipas, membuat sambungan elektrik untuk cas telefon radio, tv atau mengubahsuai pemasangan elektrik di bilik asrama.
- Pelajar dilarang memasak makanan atau minuman di bilik asrama.
- Pelajar dilarang merendam pakaian dan kasut di dalam bilik atau di dalam sinki bilik air / tandas.
- Pelajar adalah diwajibkan menjaga kebersihan asrama supaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih, selesa dan teratur terutama kebersihan di bilik air / tandas, koridor, tangga, longkang dan kawasan persekitaran.
- Pelajar akan dijadualkan bertugas mengikut giliran bagi membersihkan bilik dan sekitar asrama dan pelajar dikehendaki untuk mematuhi jadual bertugas ini.

## Peraturan Am

- Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di tempat perhimpunan pada jam 0715.
- Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik termasuk waktu rehat.
- Sebelum meninggalkan asrama, bilik hendaklah dipastikan kemas dan bersih.
- Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan tidak boleh diubah tanpa kebenaran.
- Semua pakaian pelajar hendaklah ditanda dengan No. Maktab bagi mengelakkan kehilangan/kecurian.
- Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama.
- Semua jenis makanan basah tidak dibenarkan di asrama.
- Alatan berbahaya seperti pisau, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki / disimpan / diguna di asrama.
- Pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja/kakitangan asrama.
- Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama.
- Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- Pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik dan bukan akademik.
- Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum pulang bercuti. Tiada pakaian yang ditinggalkan di dalam loker. Hanya peralatan seperti baldi, peralatan toiletries, bantal dan buku sahaja dibenarkan tinggal.
- Pelajar adalah diwajibkan menjaga kebersihan asrama supaya sentiasa berada di dalam keadaan bersih, selesa dan teratur terutama kebersihan di bilik air / tandas, koridor, tangga, longkang dan kawasan persekitaran.
- Pelajar akan dijadualkan bertugas mengikut giliran bagi membersihkan bilik dan sekitar asrama dan pelajar dikehendaki untuk mematuhi jadual bertugas ini.

- Pelajar hendaklah mengamalkan amalan penjimatan air dan elektrik bagi mengelakkan pembaziran.
- Pelajar hendaklah berada di unit asrama pada jam 2300 sehingga jam 0500.
- Pelajar hanya dibenarkan berjumpa keluarga, tetamu atau kawan di tempat yang ditentukan sahaja.
- Pelajar lelaki tidak dibenarkan berada di asrama pelajar perempuan dan juga sebaliknya. Pelajar berlainan jantina dilarang berada dalam keadaan berduadua di tempat-tempat yang mencurigakan pada bila-bila masa sekalipun.
- Pelajar yang meninggalkan bilik asrama atau bilik kuliah hendaklah memastikan semua suis ditutup.
- Pelajar dilarang membawa perkakas elektrik ke dalam bilik kecuali dengan kebenaran pihak Maktab.
- Pelajar dilarang daripada melakukan perkara-perkara yang boleh mengganggu ketenteraman penghuni asrama lain ataupun awam seperti menjerit, membakar mercun dan sebagainya.
- Sekiranya berlaku kecemasan, kemalangan atau kematian atau perkara-perkara lain yang dianggap serius, perkara ini hendaklah dilaporkan kepada warden dengan serta-merta.
- Pelajar dilarang berada atau balik ke asrama semasa waktu pembelajaran, prep, latihan sukan (yang diwajibkan) dan waktu riadah melainkan sekiranya kebenaran telah diperolehi terlebih dahulu.
- Pelajar dilarang membawa keluar, mengubahsuai susun atur semua inventori dalam bilik asrama.
- Pelajar tidak dibenarkan untuk membawa sebarang peralatan kelas, dewan selera atau apa-apa perkara yang menjadi hak Maktab ke dalam bilik asrama kecuali mendapat kebenaran terlebih dahulu.
- Pelajar dilarang menggunakan premis/bilik asrama sebagai tempat perniagaan.
- Pelajar dinasihatkan tidak membawa, memakai dan / atau menyimpan barang-barang berharga atau wang berlebihan di dalam asrama. Pihak Maktab tidak akan bertanggung-jawab di atas kehilangan harta benda

persendirian.

### **3.6 ADAB PERATURAN KESELAMATAN DI ASRAMA**

#### **3.6.1 Penggunaan Peralatan Elektrik**

- a) Peralatan elektrik persendirian hanya terhad kepada sterika elektrik pengecas telefon dan komputer sahaja
- b) Hanya sterika elektrik, pengecas telefon dan komputer sahaja yang boleh digunakan di dalam unit asrama.
- c) Sambungan secara haram kesebarang alat elektrik tidak dibenarkan.
- d) Pastikan plag ditanggalkan dari soket selepas digunakan.
- e) Jangan gunakan sebarang peralatan elektrik semasa kilat.
- f) Pastikan semua suis dimatikan/ditutup selepas anda menggunakan elektrik atau sebelum meninggalkan asrama.
- g) Sebarang kerosakan berkaitan dengan elektrik hendaklah dilaporkan segera kepada warden anda. Jangan cuba baiki sendiri.
- h) Jangan sentuh sebarang alat elektrik yang sedang digunakan jika tangan anda basah.

#### **3.6.2 Adab Dan Peraturan Keselamatan Diri / Hartabenda Semasa Kebakaran**

- a) Bila anda mendengar isyarat berlaku kebakaran / terhidu bau asap, perkara pertama yang mesti dilakukan ialah menyelamatkan nyawa Anda dan Rakan Anda.
- b) Segera beri amaran kepada rakan seasrama dengan menjerit sekuat mungkin perkataan "Api. ..Api..Api....
- c) Sila hubungi bomba yang berhampiran (rujuk nombor telefon di papan kenyataan blok asrama).
- d) Selamatkan barang-barang berharga kepunyaan anda seperti kad pengenalan, Sijil-sijil Penting, Buku Pelajaran dan Wang jika anda berupaya membawanya dengan mudah. Jika kebakaran sudah marak lupakan barang-barang tadi dan anda perlu menyelamatkan nyawa

- anda dahulu.
- e) Jika anda mengetahui ada rakan anda tidak berupaya untuk bergerak keluar dari asrama disebabkan pengsan, cedera dan sebagainya bantulah beramai-ramai dengan membawanya keluar.
  - f) Keluarlah dari asrama secepat mungkin melalui pintu yang berhampiran dengan anda (seperti dalam pelan setiap asrama).
  - g) Bergeraklah dengan pantas tapi teratur meninggalkan asrama menuju tempat yang ditetapkan. Berkumpul di tempat tersebut

### **3.6.3 Adab Dan Keselamatan Wang Di Asrama**

#### **1. Wang Tunai**

- a) Pelajar tidak dibenarkan menyimpan wang tunai di tangan lebih dari RM 10.00
- b) Wang tunai yang berlebihan mesti disimpan dalam bank, bank Koop atau pada guru penasihat Homeroom pelajar
- c) Pelajar hendaklah menyimpan wang di tempat yang selamat

#### **2. Kad ATM (Buku Akaun Simpanan Giro (BSN))**

- a) Semua pelajar mesti mempunyai kad GIRO (BSN)
- b) Semua kad ATM mesti, disimpan di tempat yang selamat
- c) Jangan simpan nombor PIN bersarna-sarna dengan kad ATM
- d) Jangan meminta bantuan orang lain untuk mengeluarkan wang dengan kad ATM anda.
- e) Pelajar digalakkan menyimpan kad ATM kepada guru penasihat.Homeroom pelajar.
- f) Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk melaporkan kehilangan kad ATM dengan segera.

### 3.6.4 Adab Dan Keselamatan Umum

- a) Kegunaan lengkaran ubat nyamuk, pelita dan lilin adalah 'TIDAK' dibenarkan kecuali didalam bekas ubat nyamuk yang khas.
- b) Setiap penghuni asrama seharusnya tahu menggunakan alat pemadam api semasa berlaku kebakaran.
- c) Jika berlaku kecemasan sila hubungi guru asrama/ketua guru asrama/pengawal keselamatan dengan segera.
- d) Kemudahan "*first- aid*" boleh didapati daripada warden/ bilik sakit.

### 3.7 Adab Dan Peraturan Bilik Sakit

- a) Pelajar-pelajar yang ingin mendapatkan rawatan pada waktu persekolahan mestilah mendapatkan kebenaran guru subjek pertama/pihak pengurusan (TPPP /TPKA/TPPB/PENGETUA) terlebih dahulu.
- b) Selepas itu pelajar berkenaan hendaklah melaporkan diri kepada Penyelia Asrama dengan menunjukkan surat kenyataan sakit. Sekiranya pelajar itu tidak berdaya, beliau perlu mendapat bantuan daripada kawan-kawannya untuk melaporkan kepada pegawai berkenaan.
- c) Pada waktu persekolahan pelajar sakit tidak dibenarkan berada di asrama tetapi di bilik sakit/*sick bay* sahaja dengan kebenaran.
- d) Pelajar yang hendak keluar dari bilik ini wajib memberitahu Penyelia asrama / Ketua Warden.
- e) Kebersihan dan kekemasan bilik ini mestilah sentiasa dijaga.
- f) Jangka masa tinggal di Bilik Sakit tertakluk kepada keperluan dan jenis penyakit.
- g) Untuk pelajar yang mendapat kebenaran bertulis daripada Pengetua/Timbangan Pengetua/Ketua Warden untuk berehat di Bilik Sakit akan dikecualikan daripada kelas formal

- h) Penyakit Berjangkit  
Pelajar berkenaan dibenarkan pulang ke rumah setelah mendapat pengesahan doktor dan kebenaran Pengetua/Timbangan Pengetua/Ketua Warden.

### **3.8 ADAB DAN PERATURAN BILIK ASRAMA**

#### **3.8.1 Bilik tidur/kebersihan bilik di asrama**

1. Bilik mestilah kemas dan sentiasa bersih dari segi katil, almari, kasut, pakaian.
2. Kad Asrama (locker tag) mesti diletakkan di bahagian luar almari
3. Barang-barang di kaunter mestilah disusun dengan kemas.
4. Sampah mestilah dimasukkan ke dalam bakul sampah
5. Hanya gambar dan poster yang dibenarkan oleh maktab boleh ditampal. Gambar personaliti sukan atau hiburan tidak dibenarkan sarna sekali.
6. Cadar dan sarung bantal mesti sentiasa dipasang dan ditegangkan
8. Pakaian yang kering mesti dilipat dengan kemas dan disimpan di dalam almari.
9. Pakaian yang basah disidai di ampai yang disediakan di balkoni unit dan bukan di dalam bilik, Pastikan semua pakaian yang disidai, diangkat sebelum pukul 7.00 petang
10. Pakaian yang jatuh hendaklah diambil segera. Jika tidak, pakaian akan diambil oleh pihak Maktab.
11. Barang-barang tidak dibenarkan diletak di atas almari kecuali Al-Quran, songkok.
12. Paip-paip air hendaklah sentiasa ditutup selepas digunakan.
13. Jimatkan air seberapa yang boleh.
14. Dilarang meletak buku di atas lantai, tingkap-tingkap asrama pada sebarang waktu.
15. Kasut hendaklah disimpan di tempat-tempat yang dibenarkan. Selipar hanya dibenarkan dipakai dalam kawasan asrama sahaja.



16. Sebarang alat muzik tidak dtbenarkan disimpan atau dimainkan dalam kawasan asrama.
17. Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas dimulakan. Pastikan baldi yang berisi pakaian kotor diletakkan dalam bilik air.
18. Makanan yang berbau tidak dibenarkan disimpan di bilik.
19. Pelajar tidak dibenarkan memasak makanan / air didalam unit asrama.
19. Sebarang pengubahsuaian tidak boleh dilakukan dalam bilik-bilik asrama.
20. Pelajar tidak dibenarkan balik/berada di dalam asrama semasa kelas akademik/prep.

### **3.8.2 Adab dan Peraturan Padam Lampu (*Light Off*)**

- 1 . Pelajar-pelajar mesti berada di bilikl masing-masing pada pukul 11.30 malam
2. Jam 12.00 malam lampu mesti dipadamkan
3. Pelajar tidak boleh berjalan-jalan, berbual-bual/keluar asrama selepas lampu padam.

### **3.8.3 Adab Dan Peraturan Penggunaan Surau (DSL)**

- 1 Semua pelajar Islam wajib sembahyang fardhu di surau.
2. Sembahyang Maghrib, Isyak, Subuh dan wajib berjemaah di surau (DSL).
3. Waktu senibahyang Zuhur, pelajar-pelajar digalakan berjemaah di surau (DSL).
4. Semua pelajar diwajibkan membaca Surah Yasin pada Khamis malam Jumaat.
5. Semua pelajar diwajibkan menghadiri apa jua aktiviti keagamaan di surau (DSL).
6. Pelajar bukan Islam mestilah menghormati waktu pelajar islam sedang bersembahyang/beribadat/menjalalakan aktiviti agama.
7. Semua aktiviti agama maktab hendaklah mendapat kelulusan

Unit Amal Islami Maktab/pentadbiran.

8. Jangan salah gunakan surau (DSL).
9. Penggunaan surau untuk sembahyang berjemaah dikecualikan jika ada program rasmi atau peperiksaan.